

Jangan hanya sasar lulus peperiksaan

Oleh SURAIDAH ROSLAN

► Saranan Salleh kepada pelajar UMS

KB 16.9.2017 A7
KOTAKINABALU: Menteri Komunikasi & Multimedia Datuk Seri Panglima Salleh Tun Said menyarankan mahasiswa/mahasiswi Universiti Malaysia Sabah (UMS) supaya tidak bersikap sambil lewa dan sekadar ingin lulus peperiksaan.

Katanya, generasi muda hari ini bakal memimpin negara pada masa depan, maka mereka perlu berpandangan jauh dan mempunyai semangat daya saing tinggi untuk memastikan negara ini terus membangun.

Beliau berkata mahasiswa/mahasiswi di universiti harus menggunakan ilmu

pengetahuan yang diperoleh untuk mencorakkan kehidupan mereka pada masa depan dengan mencari peluang-peluang yang ada untuk meningkatkan pendapatan.

Katanya mahasiswa/mahasiswi perlu ingat universiti bukan sekadar tempat menduduki peperiksaan semata-mata. Universiti adalah sebuah komuniti yang boleh membentuk diri pelajar dalam pelbagai aspek termasuk menjalani kehidupan bermasyarakat kerana ilmu bukan sekadar sekeping ijazah.

“Mahasiswa/mahasiswi

“Mahasiswa/mahasiswi perlu memahami tentang kualiti hidup dan masa depan mereka. Dunia sekarang tidak sama dengan dahulu. Maka, anak muda hari ini perlu bijak melihat dimana peluang yang ada untuk meningkatkan pendapatan”

DATUK SERI PANGLIMA SALLEH TUN SAID

Menteri Komunikasi & Multimedia

perlu memahami tentang kualiti hidup dan masa depan mereka. Dunia sekarang tidak sama dengan dahulu. Maka, anak muda hari ini perlu

bijak melihat dimana peluang yang ada untuk meningkatkan pendapatan,” katanya ketika berucap sempena Majlis Menandatangani Perjanjian



NAIB Canselor UMS Prof Dr D. Kamarudin D. Mudin (dua kiri) menyampaikan cenderamata kepada Salleh (dua kanan), turut kelihatan Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia Datuk Abu Bakar Ab Rahim (kanan) dan Pendaftar UMS No'man Ahmad (kiri).

Persefahaman (MoU) antara UMS dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), di sini pada Jumaat.

Katanya, atas sebab itu dalam pelaksanaan inisiatif Transformasi Nasional (TN50), pandangan anak muda turut diambil kira untuk proses konsultasi agar kehendak generasi muda ini tidak diabaikan.

Mengenai MoU yang

ditandatangani antara UMS dan RTM, ia adalah lanjutan daripada MoU yang dimeterai pada 2006 bagi meningkatkan dan mengembangkan usahasama antara bidang penyiaran, kewartawanan dan teknikal.

Kerjasama itu melibatkan latihan dan kursus khas melibatkan pelajar UMS yang menjalani latihan praktikal dalam bidang penyiaran dan

kewartawanan di RTM. Namun ia bergantung kepada kekosongan dan keperluan sumber manusia.

Dalam masa sama, RTM juga boleh menghantar pegawai-pegawainya mengikuti kursus dan latihan di UMS dalam pelbagai bidang berkaitan dengan kerjaya mereka tertakluk kepada syarat kelayakan kemasukan UMS.